

# 'Usah undang pensyarah kualiti rendah'

BERITA HARIAN 27 APR 2024 m/s: 3

## Universiti diminta lebih peka elak individu dijemput cetus kontroversi

Oleh Iskandar Ibrahim dan Hazwan Faisal Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**Sepang:** Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pengurusan universiti di negara ini seharusnya tidak mengundang pensyarah berkualiti rendah sebagai pensyarah pelawat.

"Sejak mula lagi, cendekiawan yang biasa-biasa sahaja (mediocre) tidak seharusnya dibawa masuk sebagai profesor pelawat.

"Selebihnya... Menteri Pendidikan Tinggi (Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir) sudah pun menjelaskan segala-galanya," katanya kepada media selepas melawat Akademi MAB dan majlis pecah tanah Bangunan Simulator Penerbangan, di sini semalam.

Perdana Menteri mengulas kenyataan kontroversi dibuat seorang profesor dipercayai pro-Is-

rael, Dr Bruce Gilley, yang mempromosi regim zionis ketika tampil sebagai penceramah jemputan Universiti Malaya (UM) baru-baru ini.

Pada 9 April lalu, Institut Pengajian Cina UM mengeluarkan jemputan terbuka untuk seminar yang bertajuk 'Reassessing Republican China' yang menampilkan Gilley pada 25 April 2024.

Pada 16 April lalu, Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik mengumumkan Program Profesor Pelawat 2024, di mana Gilley dijemput menyampaikan syarahan dan mengendalikan bengkel selama tiga hari mulai 22 sehingga 24 April lalu.

Dalam ucaptamanya ketika bengkel itu berlangsung, Gilley memperkecilkan hubungan Malaysia dan AS, selain mendakwa Malaysia mahukan 'holocaust' kedua terhadap orang Yahudi dan turut memuat naik kenyataan sama di media sosialnya hingga mengundang kemarahan pelbagai pihak di negara ini kerana tidak berpuas hati dengan kenyataan terbabit.

Susulan itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengarahkan sebarang program dan aktiviti yang dijadual dihadiri penceramah warga asing yang me-



Anwar bersalaman dengan jemaah selepas menunaikan Solat Jumaat di Pusat Mukhtar Islam MAB, MAB Academy, Sepang, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

### UM mohon maaf kontroversi profesor pro-Israel



Keratan akhbar BH, semalam.

ngeluarkan kenyataan boleh mencetuskan kontroversi dan tidak menghormati sentimen masyarakat seperti tular di media sosial itu dibatalkan segera.

### Tidak sekat kebebasan

Zambry menegaskan, KPT tidak pernah menyekat kebebasan akademik di negara ini, sebaliknya hanya mempersoalkan tindakan menjemput pensyarah luar negara yang sememangnya terkenal dengan kontroversi.

Beliau berkata, apa yang dicituskan individu terbabit memberi kesan negatif dan memburukkan imej Malaysia.

"Saya tidak mahu mengatakan perlu rujuk (kepada Kementeri-

an Pendidikan Tinggi), ini soal kebebasan universiti dan kita perlu hormati tetapi paling penting kalau kita nak jemput sesiapa, perlu periksa latar belakang, apa kepakaran, dalam bidang apa, adakah benar-benar sarjana yang dihormati.

"Jika anda lihat latar belakang individu ini, beberapa penulisannya, dalam konteks kolonialisme dan imperialisme, anda boleh lihat, semua orang mempertikalkan dia.

"Jadi kenapa boleh benarkan individu ini datang dan mengajar kita sedangkan kita ada ramai pensyarah yang lebih baik dan bagus di Malaysia," katanya.

Mengulas lanjut, Zambry berkata, beliau sendiri tidak pernah masuk campur bagi memastikan kebebasan akademik dapat dijamin dengan baik.

"Saya ingin beri peringatan, ini bukan untuk menyekat kebebasan akademik di Malaysia, ini adalah mengenai kenyataan yang dibuat di luar konteks akademik.

"Saya nak perbetulkan hal ini, seolah-olah menteri mengarahkan supaya disekat semua pensyarah dari luar negara, tidak," tegasnya.

Ditanya sama ada UM sudah menyerahkan laporan berkaitan perkara itu, beliau berkata, universiti terbabit masih belum berbuat demikian.

"Saya masih menantikan laporan dan saya sudah cakap bahawa saya nak laporan segera kerana tidak mahu perkara ini berulang," katanya.

Pusat Komunikasi Korporat (CCC) UM dalam kenyataannya, UM berasa kesal dengan kenyataan kontroversi yang tidak menghormati sentimen masyarakat seperti tular di laman media sosial.

Katanya, laporan lengkap berhubung isu ini sedang disediakan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang didapati terbabit dengan isu ini.

"UM turut memandangkan serius perkara ini dan memohon maaf kepada semua pihak," katanya.